

**KENYATAAN AKHBAR
Y.A.B MENTERI BESAR PERAK**

**NEGERI PERAK BEBAS SELSEMA BURUNG
KEJADIAN SELSEMA BURUNG**

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak media yang telah memberi segala kerjasama yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha menangani masalah serangan virus H5N1 pada bulan Mac yang lalu.

Kerjasama pihak media melalui penyebaran berita yang positif telah membolehkan Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi melaksanakan kerja-kerja pemantauan dan penghapusan unggas dengan licin dan lancar.

Sebagaimana kita sedia maklum, kejadian penyakit selsema burung H5N1 telah berlaku di empat (4) kawasan di Negeri Perak. Kawasan tersebut adalah di Kampung Changkat Tualang, Mukim Teja, Kinta (kes 1): Ecopark Laketown Resort Bukit Merah, Mukim Gunung Semanggol, Kerian (kes 2) pada 16hb Mac, 2006: Kg. Changkat Legong, Mukim Teja, Kinta (kes 3) dan Institut Pertanian Titi Gantung, Perak Tengah (kes 4) pada 21hb Mac, 2006.

Semua pengesahan penyakit tersebut telah dibuat oleh Institut Penyelidikan Haiwan (IPH) Ipoh, Perak.

Operasi pemusnahan untuk kes 1 dan 2 telah dilaksanakan mulai 16hb Mac, 2006 hingga 19hb Mac, 2006 dan untuk kes 3 dan 4 pada 21hb Mac hingga 24hb Mac, 2006. Pemusnahan telah dilaksanakan di lingkungan 1 km radius (zon pemusnahan) dari tempat penemuan kes dengan bantuan dan kerjasama yang baik daripada pemilik-pemilik unggas, Ketua-ketua kampung, JKKK dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Jumlah pemusnahan pelbagai unggas yang telah dilakukan adalah sebanyak 53,662 ekor dan 6,279 biji telur dengan jumlah bayaran saguhati secara langsung sebanyak RM128,055.10 kepada 405 orang pemilik. Pembayaran saguhati untuk Ecopark, Laketown Resort, Bukit Merah dan 3 orang penternak komersial akan dibayar melalui akaun bank.

Dua pusingan surveilan aktif dengan jarak melebihi 21 hari telah dilaksanakan dengan cara pengambilan sample di kawasan lingkungan 2 hingga 10 km radius dari tempat penemuan kes (zon surveilan). Pusingan pertama telah dilaksanakan pada 17hb Mac dan 22hb Mac, 2006 dengan jumlah sample sebanyak 670. Pusingan kedua dilaksanakan pada 10 dan 17hb April 2006 dengan jumlah sample sebanyak 630. Semua sample ini telah dihantar ke IPH Ipoh untuk diuji dan didapati semua sample adalah NEGATIF. Oleh itu jangkitan Avian Influenza H5N1 yang dikesan di empat kawasan

tersebut telah berjaya dibendung dengan cara pemusnahan unggas dan surveilan aktif.

Dengan demikian saya ingin mengumumkan bahawa, empat (4) kawasan tersebut dan sekitarnya BUKAN LAGI DIANGGAP KAWASAN JANGKITAN AVIAN INFLUENZA H5N1, MAKA DENGAN INI NEGERI PERAK DIISYTIHARKAN BEBAS DARIPADA PENYAKIT SELSEMA BURUNG H5N1.

DATO' SERI DIRAJA MOHD TAJOL ROSLI GHAZALI.